

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"  
BIL. 3/501/19 KLT.3/(34)

Tolong sebutkan rujukan fail kami  
dalam jawapan surat ini.  
(Please quote our file reference  
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI  
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)  
Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

## PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 7/2011

### IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI KALI KEDUA TAHUN 2011

#### TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi kali kedua pada tahun 2011 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

#### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi kali kedua pada tahun 2011 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri bagi menghargai sokongan dan komitmen dalam mencapai matlamat pembangunan Negeri. Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua tahun 2011 yang ditetapkan adalah sebanyak **setengah bulan gaji atau minimum RM500.00**.

3. Imbuhan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan, manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

#### PELAKSANAAN

4. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang berkhidmat pada tahun 2011 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh tersebut.

### **Pegawai Yang Layak**

5. Pegawai yang layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah seperti berikut:

- (a) pegawai bertaraf tetap, sementara, kontrak dan Pekerja Gaji Hari (Vot terbuka);
- (b) pegawai yang bercuti separuh gaji ;
- (c) pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu (1) hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya.

### **Pegawai Yang Tidak Layak**

6. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:

- (a) pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2011;
- (b) pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasangkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2011;
- (c) pegawai yang dipinjamkan ke syarikat swasta sepanjang tahun 2011.
- (d) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tahun 2011; dan
- (e) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2011.

### **Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi**

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapat pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

## **SYARAT PEMBAYARAN**

8. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2011 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.

9. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar berdasarkan gaji bulan Disember 2011 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2011. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi akan dibayar bersekali dengan gaji bulan Disember 2011.

10. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, "gaji" adalah bermaksud seperti berikut:

- a. gaji hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- b. gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara; dan
- c. separuh daripada gaji hakiki bagi pegawai bercuti separuh gaji;

## **KAEDAH PENGIRAAN**

11. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah dibayar secara *proportionate* berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tahun 2011 tertakluk kepada kadar minimum sebanyak RM1,000.00. Jumlah patut terima hendaklah diselaras dengan amaun Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang telah dibayar pada bulan Ogos 2011. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.

12. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2011, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2011 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2011.

13. Bagi pegawai yang bersara pada tahun 2011, Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi adalah dibayar secara *proportionate* berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tahun 2011 di mana:

- a. bagi pegawai yang bersara antara 1 Januari 2011 hingga 8 Ogos 2011, jumlah patut terima hendaklah diselaras dengan membuat potongan Bayaran Khas Pesara sebanyak RM1,000.00 yang telah dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu RM500.00 bagi bulan Ogos 2011 dan RM500.00 bagi bulan Disember 2011; dan
- b. bagi pegawai yang bersara antara 9 Ogos 2011 hingga 31 Disember 2011, jumlah patut terima hendaklah diselaras dengan membuat potongan amanun Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi yang telah dibayar pada bulan Ogos 2011 dan Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00 yang dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Disember 2011.

14. Pesara yang dilantik semula dan masih berkhidmat pada tahun 2011 layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi berdasarkan gaji bulan Disember 2011 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2011. Jabatan hendaklah membuat potongan bagi amanah Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi yang telah dibayar kepada pesara yang dilantik semula sebagai penyelesaian semula (*journalise*) daripada jumlah Bayaran Khas Pesara yang telah dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

15. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2011. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun semasa masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi.

#### **JABATAN YANG MEMBAYAR**

16. Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran. Manakala bagi pegawai yang bersara pada tahun 2011, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai ditempatkan.

17. Bagi pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula seperti di perenggan 14, pembayaran akan dibuat oleh jabatan di mana pegawai ditempatkan.

## TARIKH KUAT KUASA

18. Pekeling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

19. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing. Pekeling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'

(SUKARTI BIN WAKIMAN)  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Jabatan Ketua Menteri  
KOTA KINABALU

Tarikh: 24/11/2011

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan  
Wisma Kewangan  
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit  
Jabatan Audit  
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**CONTOH PENGIRAAN  
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI KEDUA TAHUN  
2011**

**Contoh 1: Pelantikan Baru**

Cik Shima telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 pada 17 Januari 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,993.63 (P1T1). Beliau telah menerima Imbuhan Tahunan sebanyak RM924.32 pada Ogos 2011.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \text{jumlah diterima pd. Ogos 2011} \right]$$

$$= \left[ \text{RM1,993.63} \times \frac{349^b}{365^c} \right] - \text{RM924.32}$$

$$= \text{RM1,906.24} - \text{RM924.32}$$

$$= \text{RM981.92}$$

---

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00

b. 349 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 17 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011

c. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

### **Contoh 2: Pelantikan Baru**

Encik Saiful Zain telah dilantik sebagai Pensyarah Universiti Gred DS45 pada 15 Ogos 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,821.57 (P1T4).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \text{jumlah diterima pd. Ogos 2011} \right]$$

$$= \left[ \text{RM2,821.57} \times \frac{139^b}{365^c} \right] - \text{RM0.00}^d$$

$$= \text{RM1,074.52} - \text{RM0.00}$$

$$= \text{RM1,074.52}$$

- 
- a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00
  - b. 139 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 15 Ogos 2011 hingga 31 Disember 2011
  - c. Pegawai tidak menerima apa-apa bayaran pada Ogos 2011
  - d. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkkan gaji

### **Contoh 3: Pelantikan Baru**

Cik Huda telah dilantik sebagai Penolong Akauntan Gred W27 pada 2 Disember 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,475.29 (P1T5).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011} \right]$$

$$= \left[ \text{RM1,475.29} \times \frac{30^b}{365} \right] - \text{RM0.00}^c$$

$$= \text{RM121.26} - \text{RM0.00}$$

$$= \text{RM121.26}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan (Jumlah patut terima) di atas kadar sebulan gaji bagi pegawai adalah kurang daripada RM1,000.00, maka pegawai adalah layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak **RM1,000.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00

b. 30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 2 Disember 2011 hingga 31 Disember 2011

c. Pegawai tidak menerima apa-apa bayaran pada Ogos 2011

d. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkan gaji

#### **Contoh 4: Pelantikan Baru**

Puan Hayati telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 pada 1 Mac 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,204.55 (P1T1). Beliau telah memperolehi imbuhan Tahunan sebanyak RM500.00 pada Ogos 2011.

Pengiraan kadar kelayakan imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \frac{\text{gaji Disember 2011} \times \text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \frac{\text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011}}{365} \right]$$

$$= \left[ \text{RM1},204.55 \times \frac{306^b}{365^c} \right] - \text{RM500.00}$$

$$= \text{RM1,009.84} - \text{RM500.00}$$

$$= \text{RM509.84}$$

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00

b. 306 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mac 2011 hingga 31 Disember 2011

c. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

### **Contoh 5: Kenaikan Pangkat Yang Dikebelakangkan**

Cik Rekha telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2011 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 30 Disember 2011. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai adalah RM3,020.56 (P1T1). Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM2,909.25(P1T12). Beliau telah menerima Imbuhan Tahunan sebanyak RM1,454.63 pada Ogos 2011.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011} \right]$$

$$= \left( \text{RM3,020.56} \times \frac{365^b}{365^c} \right) - \text{RM1,454.00}$$

$$= \text{RM3,020.56} - \text{RM 1,454.63}$$

$$= \text{RM1,565.93}$$

---

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00  
b. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkan gaji

### **Contoh 6: Kenaikan Pangkat Yang Dikebelakangkan**

Cik Zana telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2011 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 3 Januari 2012. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai adalah RM3,020.56 (P1T1). Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah M2,909.25(P1T12). Beliau telah memperolehi Imbuhan Tahunan sebanyak RM1,454.63 pada Ogos 2011.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \text{jumlah diterima pd. Ogos 2011} \right]$$

$$= \left[ \text{RM2,909.25} \times \frac{365}{365} \right] - \text{RM1,454.63}$$

$$= \text{RM2,909.25} - \text{RM 1,454.63}$$

$$= \textbf{RM1,454.62}$$

---

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00  
b. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkkan gaji

### Contoh 7: Pegawai Bercuti Separuh Gaji

Puan Azie yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 Februari hingga 22 Februari 2011. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 23 Februari 2011. Gaji pegawai pada Disember 2011 adalah sebanyak RM3,170.83 (P1T2). Beliau telah memperolehi Imbuhan Tahunan sebanyak RM1,506.14 pada Ogos 2011.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= (A + B) - \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011}$$

$$= \left[ \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{365} \right] + \left[ \frac{1}{2} \times \text{gaji Disember 2011} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{365} \right] - \\ \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011}$$

$$= \left[ \text{RM3,170.85} \times \frac{343^b}{365} \right] + \left[ \frac{1}{2} \times \text{RM3,170.83} \times \frac{22^c}{365^d} \right] - \text{RM1,506.14}$$

$$= (\text{RM2,979.71} + \text{RM95.56}) - \text{RM1,506.14}$$

$$= \text{RM3,075.27} - \text{RM1,506.14}$$

$$= \text{RM1,569.13}$$

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00  
b.343 hari - Bilangan hari mulai 1 Januari hingga 31 Januari 2011 (31 hari) dan dari 23 Februari hingga 31 Disember 2011(312 hari)

c.22 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji dari 1 Februari hingga 22 Februari 2011

d.365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkannya

### Contoh 8: Pegawai Bersara

Encik Mior Hasrul yang berkhidmat sebagai Pegawai Aktuari Gred W48 telah bersara pada 31 Disember 2011. Beliau telah memperolehi Imbuhan Tahunan sebanyak RM2,909.43 pada Ogos 2011. Gaji terakhir pegawai adalah RM5,818.86 (P1T8).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima}$$

$$= \left[ \frac{\text{gaji Disember 2011} \times \text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \begin{array}{l} \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011} \\ + \text{Bayaran Khas Pesara (Disember)} \end{array} \right]$$

$$= \left( \frac{\text{RM5},802.92 \times \frac{364^b}{365^c}}{365^c} \right) - \text{RM1},454.63 - \left( \text{RM 2},909.43 + \text{RM 500.00} \right)$$

$$= \text{RM5},802.92 - \text{RM3},409.43$$

$$= \text{RM2},393.49$$

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00  
b 364 – Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 30 Disember 2011

c 365 - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkkan gaji

### **Contoh 9: Pegawai Bersara**

Encik Azwan yang berkhidmat sebagai Penguasa Bomba Gred KB54 telah bersara pada 6 Ogos 2011. Pegawai telah dibayar Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500 pada Ogos 2011. Gaji terakhir pegawai adalah RM6,779.02 (P1T8).

Pengiraan kadar kelayakan imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

= *Jumlah patut terima<sup>a</sup> – Jumlah telah terima*

$$= \left[ \frac{\text{gaji Disember 2011} \times \text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \left[ \begin{array}{l} \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011} \\ + \text{Bayaran Khas Pesara (Disember)} \end{array} \right]$$

$$= \left[ \frac{RM\ 6,779.02 \times \frac{217^b}{365^c}}{365} \right] - [RM\ 500.00 + RM\ 500.00]$$

$$= RM4,030.27 - RM1,000.00$$

$$= RM3,030.27$$

---

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00

b. 217 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2011 hingga 5 Ogos 2011

c. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutu yang melayakkan gaji

#### **Contoh 10: Tatatertib**

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Sani yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 5 Mei 2011. Jawatankuasa Tindakan Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan tangguh pergerakan gaji\* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 19 Oktober 2011. Gaji pegawai pada Disember 2011 adalah sebanyak RM1,319.48 (P1T11).

Pegawai **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan kerana hukuman tatatertib dikenakan dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2011.

Nota:

\*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 246 Bahagian V Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.

### Contoh 11: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Yang Diasingkan Saranya

Puan Khadijah yang berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 telah dipinjamkan ke Lembaga Tabung Haji dari 1 Januari hingga 30 September 2011. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di JPA pada 1 Oktober 2011. Gaji pegawai pada Disember 2011 adalah sebanyak RM5,253.90 (P1T5).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima} \\ &= \left[ \frac{\text{gaji Disember 2011} \times \text{bil. hari berkhidmat}}{365} \right] - \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2011} \\ &= \left[ \frac{\text{RM } 5,253.90 \times \frac{92^b}{365^c}}{365^d} \right] - \text{RM } 0.00^e \\ &= \text{RM } 1,324.27 - \text{RM } 0.00 \\ &= \text{RM } 1,324.27 \end{aligned}$$

a. Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,000.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,000.00

b. 92 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Oktober 2011 hingga 31 Disember 2011

c. Pegawai tidak menerima apa-apa bayaran pada Ogos 2011

d. 365 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2011 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkkan gaji